

14/11/1997

Batalkan hasrat siasat Petronas

KOTA KINABALU, Khamis - Parti Demokratik Sabah (PDS), sebuah komponen Barisan Nasional (BN) Sabah menggesa kerajaan Amerika Syarikat supaya membatalkan hasratnya untuk menyiasat syarikat Petronas yang menjalankan perniagaannya di luar negara, terutama dengan Iran.

Presidennya, Tan Sri Bernard Dompok, berkata jika Amerika Syarikat meneruskan rancangan menjalankan siasatan itu, ia secara langsung membuktikan negara itu tidak menghormati kedaulatan negara membangun untuk maju.

Dalam kenyataannya di sini hari ini, beliau berkata, rancangan itu selain menafikan konvensyen antarabangsa terhadap perdagangan bebas, ia juga tidak selaras dengan dakwaan Amerika Syarikat selama ini bahawa negara itu pejuang prinsip dan amalan demokrasi.

Katanya, langkah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak menghalang wakil dari negara terbabit menjalankan siasatan terhadap Petronas, lebih konsisten dengan amalan serta prinsip demokrasi.

(END)